

Terjemahan Kata Kerja [امسحوا] dalam Dialog Naratif al-Quran: Satu Penganalisaan dari Perspektif Mukjizat al-Quran

Prof Madya Dr. Muhamadul Bakir Hj. Yaakub

Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Negara Brunei Darussalam

bakir.yaakub@unissa.edu.bn

Abstrak. Terjemahan merupakan satu wahana komunikasi manusia yang bersifat sistematik dalam proses pemindahan makna dan ilmu pengetahuan. Ini menjadikan penterjemahan al-Quran daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu contohnya, perlukan aspek-aspek sistematik itu bagi menjayakan proses tersebut. Tanpa nilai ini akan membawa ke arah penyimpangan daripada maksud asal yang disampaikan oleh al-Quran serta mengakibatkan nilai mukjizat kenabian Rasulullah (saw) tidak menyerlah. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada nilai sistematika terjemahan kata kerja suruhan [امسحوا] yang tersurat dalam surah al-Muzzammil. Kerangka teori terjemahan semantik dan komunikatif yang pernah digunapakai oleh Newmark dijadikan landasan sebagai satu pendekatan dedektif. Berdasarkan penganalisaan data kontekstual bagi kata kerja suruh ini, dapatan kajian menerangkan bahawa terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu cenderung menggunakan pendekatan latar yang mudah lagi umum. Ianya dilakukan dengan memilih kata gandingan terdekat yang terdapat dalam bahasa sumber. Dengan menggunakan pendekatan perbandingan dan penganalisaan komponen-komponen semantik, kajian ini berjaya menemukan nilai-nilai tambah yang boleh digunapakai sebagai dapatan kajian yang berkaitan dengan kesan terjemahan ke atas kefahaman para pengguna tatacara mengambil wudhu’.

Kata kunci: **Analisa Terjemahan, Kata Kerja, Dialog Naratif dan Mukjizat al-Quran**

Pendahuluan

Sebagai satu wahana komunikasi, terjemahan perlukan struktur yang sistematik. Dalam kehidupan ini kepelbagaian komunikasi manusia berlaku secara semulajadi. Ianya satu aktiviti yang tak dapat dielakkan. Tanpa aktiviti ini manusia akan jadi lesu dan kaku. Sebaliknya, jika ianya tidak distrukturkan dengan sistematik, pastinya ia akan memberikan kesan yang kurang baik kepada setiap penggunaannya. Aktiviti ini amat berguna kepada kita dalam meneruskan perjalanan hidup ini dengan jaya lagi sempurna. Hasilnya kita akan memperoleh maklumat yang betul serta berupaya menyampaikan kandungannya dengan tepat pula.[10] Hal ini juga bermaksud bahawa manusia juga sewajarnya berupaya menggunakan wahana komunikasi ini dengan baik, tepat dan berkesan bagi membolehkan pengguna terjemahan memperoleh maklumat dan maksud yang betul, tepat serta berkesan.

Sesungguhnya, apabila sesuatu hasil terjemahan itu siap, sesiapa sahaja boleh membaca dan memberikan kritiknya. Halaman demi halaman dibaca, tetapi tidak terjumpa satu cacat dan silap pun. Sebenarnya, tanpa disedari, sebelum hasil tersebut siap diterjemahkan, terdapat pelbagai bentuk kesukaran yang telah ditempuhi pengusahanya. Akan tetapi, beliau telah memugar, setiap satu kesukaran tersebut sehingga menjadikan tulisan itu bersih tersusun rapi. Keadaan ini menjadikan pembaca bagaikan berlari di dataran pamah dicambahi bunga. Tiada lagi sebarang kepayahan dan jerih terpaksa ditempuhi, tiada juga onak-duri yang mengganggu kelancaran pembacaan. Semua kerja tersebut telah pun dibersihkan oleh penterjemah dengan olahan yang indah.

Walau bagaimana pun, sesuatu terjemahan yang sistematik itu mudah untuk dianalisa dan juga diaplikasikan bilamana kedua-dua bahasa yang terlibat digandingkan sejajar. Objektif utama pendekatan perbandingan gandingan ini boleh membantu untuk menemukan sesuatu makna yang disepakati, sekali pun ianya sangat mencabar. Makna yang betul sahaja secara relatifnya tidak menjamin komunikasi yang lancar dalam interaksi, khususnya dalam dialog yang membawa naratif-naratif yang khusus.

Perbincangan ini boleh difahami dengan jelas berlaku dalam proses penterjemahan teks al-Quran seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu. Ianya merupakan satu usaha rumit lagi kompleks. Jika usaha penterjemahan itu didefinisikan sebagai satu proses pemindahan pemikiran seseorang manusia yang menggunakan sesuatu bahasa tertentu kepada manusia lain yang menggunakan bahasa yang lain pula, maka apakah keadaan yang memungkinkan amalan memindahkan maksud yang ada dalam al-Quran yang merupakan satu teks daripada Tuhan sekalian alam, yang diwahyukan kepada seorang Nabi Muhamad (saw) yang bertutur dengan bahasa Arab untuk ditujukan kepada seluruh manusia sejagat, maka bagaimana mungkin dengan mudah ianya diterjemahkan dengan jayanya (tanpa sebarang halangan) oleh seseorang penterjemah kepada sesuatu bahasa selainnya? keadaan ini menuntut penterjemah tersebut untuk memiliki tahap kepakaran yang tinggi, agar maklumat dan hikmah ketuhanan yang tersirat dalam al-Quran itu dapat difahami dan dilaksanakan oleh setiap hambanya dengan sempurna dan diterima (dan diiktiraf) Allah (swt) sebagai tepat sepertimana maksud yang perlu disampaikan kepada pembacanya.

Daripada permasalahan di atas, sebenarnya terdapat pelbagai persoalan yang memerlukan jawapan terperinci. Antaranya adalah:

1. Apakah proses yang perlu dilalui oleh para penterjemah ketika menghasilkan sesuatu terjemahan?
2. Kenapa proses tersebut perlu diguna-pakai secara sistematik dalam sesuatu amalan penterjemahan?
3. Bagaimana sesuatu proses sistematik itu boleh diguna-pakai dalam menghasilkan sesuatu terjemahan bermutu lagi tepat?

Semua persoalan yang diutarakan di atas menjadikan objektif utama kajian ini seperti berikut:

1. Satu proses yang sistematik dalam menghasilkan sesuatu terjemahan adalah perlu dikenalpasti dengan jelas lagi amali.
2. Proses tersebut perlu dinilai tahap keboleh percayaan hasil pemakaiannya.
3. Proses ini perlu memiliki struktur aplikasi rasmi.

Dari aspek yang lain pula, terjemahan adalah merupakan alat perantara antara dua bahasa, pertama bahasa sumber dan kedua bahasa sasaran. Dengan ini ianya mempunyai kepentingan yang pelbagai dan perlu dilihat sebagai sesuatu yang amat penting lagi sensitif kepada setiap pengguna terjemahan tersebut. Hal ini menjadi lebih getir kiranya terjemahan tersebut berkaitan dengan al-Quran yang merupakan panduan utama kehidupan manusia sejagat sehingga ke Akhir Zaman. Bahkan ianya juga merupakan Mukjizat Nabi Muhamad (saw) terunggul lagi kekal abadi yang menjadi sumber bukti untuk mendapatkan hidayah kebenaran Ilahi selaku Pencipta dan Pemilik Alam ini. Keagungan dan kehebatan al-Quran itu sewajarnya dapat dilihat dari pelbagai aspek kehidupan manusia yang mencari kebenaran, termasuklah juga setiap huruf dan perkataan yang terdapat didalamnya. [9] Oleh yang demikian, setiap penterjemah al-Quran perlu menilai keberkesanan dan ketepatan setiap apa yang diterjemahkan. Ini menuntut mereka menguasai pelbagai aspek ilmu dan kepakaran. Dalam konteks tuntutan ini, penterjemahan al-Quran daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu perlukan penganalisan teliti lagi tepat bagi memenuhi perintah dan tuntutan Allah (swt): [1,73:4]

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً


Terjemahannya: dan bacalah al-Quran itu dengan nyaring berserta nada yang lembut lagi berkesan (Terjemahan Pengkaji).

Ayat di atas jelas menunjukkan dengan terperinci tata-cara yang betul dalam membaca al-Quran. Arahan di atas juga berbeza dengan arahan membaca dalam ayat-ayat yang lain. Cara yang dituntut adalah terfokus kepada kesan pembacaan (yang juga dikenali dengan istilah Tartil). Cara ini membolehkan pembaca menghayati dengan jelas setiap picisan makna (sama ada yang tersurat mahu pun tersirat) sebelum menterjemahkannya. Dalam konteks ini juga, contoh yang boleh kita jadikan sebagai bandingan, adalah kata kerja (اقرأ) yang bermaksud bacalah. Seterusnya, apakah ada perbezaan antara suruhan yang pertama dengan suruhan yang kedua? Bagaimana pula dengan istilah-istilah berikut; (ترنم), (تغنم), (تلحن), (تغنى), dan (تجود). Bukankah semua istilah-istilah tersebut berkaitan dengan membaca al-Quran. Adalah tidak wajar semua istilah ini dianggap mempunyai maksud yang sama tanpa sebarang perbezaan dan padanan dalam bahasa Melayu? [8, 12, 23, 24, 25, 35]

Sesuatu kefahaman itu sewajarnya berasaskan pengetahuan yang benar-benar menyakinkan dan bukan hanya bersandarkan kepada tanggapan atau cita-rasa perseorangan tanpa sebarang perkaedahan yang sistematik. Aktiviti penterjemahan al-Quran di rantau Melayu khususnya telah lama bermula dan terus berkembang pesat, namun dari perspektif paduan atau perkaedahan berdisiplin, masih banyak yang perlu dikaji dan dibuat, bagi menemukan sesuatu yang jelas, selaras serta diiktiraf secara rasmi dan amali. Pendekatan ini menjadi amat penting terutamanya dalam menterjemahkan teks-teks dialog yang bersifat naratif, yang dipengaruhi unsur setempat dan juga sezaman. Ianya juga dapat membantu untuk memahami dengan jelas apa yang perlu

diterjemahkan secara umum dan apa pula yang perlu diselaraskan dengan jelas dalam setiap terjemahan itu. [29]

Hubungan antara penterjemah, teks sumber (serta penulis asalnya), dengan teks sasaran (berserta juga dengan pengaruhnya ke atas penterjemah dan pengguna terjemahan) dapat difahami dengan jelas seperti dalam rajah berikut:



Rajah 1: Gambar Rajah Perhubungan Unsur-unsur Penterjemahan (diubahsuai daripada [31])

Dari gambar rajah diatas, para penterjemah seharusnya mengambil kira segala aspek yang berkaitan antara satu dengan yang lain dalam sesuatu proses penterjemahan. Mereka tidak hanya menterjemah sesuatu teks sumber untuk diri mereka sendiri. Sebaliknya sumbangan mereka itu mempunyai pengaruh yang positif atau negatif kepada pembaca terjemahan.

Sesuatu teks dialog itu pula adalah merupakan satu naratif tersendiri yang lengkap dengan struktur unit dan rangkaiannya yang mempengaruhi aksi dan reaksi pembacanya.[15, 37] Ianya dipengaruhi oleh setiap watak yang terlibat serta dengan latar belakang mereka yang berbeza pula. Ini juga membawa maksud, bahawa setiap watak yang berdialog tidak hanya menyampaikan maklumat semata-mata, bahkan ianya didatari dengan wawasan-wawasan yang diharapkan tercapai melalui dialog tersebut. Sungguh pun, sebuah naratif itu adalah satu istilah yang bersifat polisemi yang mempunyai kepelbagaian makna baik secara tersirat mahupun tersurat. Namun unsur utamanya adalah tiga; iaitu permulaan, pertengahan dan penamat yang berhubung kait antara satu sama lain dengan ikatan ruang masa dan tempat bersama serta sebab dan akibat (17, 27). Dari ikatan tersebut terbentuklah satu laras dan gaya bahasa dalam mengungkapkan fikiran melalui bahasa. Lantas, terlakarlah jiwa dan keperibadian penulis dalam teks sumber. Hal sama juga berlaku kepada diri penterjemah serta juga teks sasaran yang terhasil daripada usahanya.[14]

Dari perbincangan di atas, jelaslah bahawa dunia penterjemahan diselubungi oleh sejumlah unsur yang pelbagai dikotomi. Ianya juga mencerminkan kepelbagaian yang wujud dalam keadaan bertautan lagi berangkai antara satu dengan lainnya. Sementara para penterjemah pula ada yang bersifat teknikal, lengkap serta formal lagi profesional. Ada pula yang memilih pendekatan literal lagi mudah, atau sebaliknya sehingga memilih keindahan melebihi ketepatan. Satu lagi set dikotomi yang membezakan sesuatu terjemahan adalah berkaitan dengan perbezaan zaman penulis serta latar belakang teks sumber jika dibandingkan dengan zaman penterjemah dan pengguna terjemahan tersebut (iaitu teks sasaran). [21]

Kajian Terdahulu

Terdapat beberapa kajian yang boleh dikategorikan sebagai berkaitan dengan kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Ahmad Bazli Ahmad Hilmi bersama dengan Rossidi Usop dan Selamat Amir telah membincangkan persoalan terjemahan makna ayat kawaniyyat berdasarkan tafsiran ilmiah. Kajian ini telah memperkukuhkan dapatan kajian semasa bahawa belum terdapat satu panduan atau kaedah yang formal dalam proses amalan terjemahan. Di akhir kajian, mereka telah merumuskan bahawa telah berlaku ketidak tepatan dalam penterjemahan makna perkataan dalam ayat-ayat kawaniyyah. Mereka juga menyarankan supaya para penterjemah mengguna-pakai perkaedahan tafsiran Ilmiah dalam penterjemahan semula makna ayat-ayat al-Quran supaya terserlah nilai-nilai hikmah ketuhanan serta dapat menonjolkan Mukjizat Kenabian, disamping mengelakkan pembaca tersilap dalam memahami ayat-ayat tersebut. Malahan seseorang yang belum Islam juga akan menyedari bahawa al-Quran itu merupakan rujukan yang paling utama dalam kehidupan, di sana tersirat pelbagai rahsia yang belum terungkap.[11]
2. Sementara Mohd Shukri Hanapi pula membincangkan persoalan terjemahan al-Quran dalam pelbagai perspektif. Bagi beliau, penterjemahan al-Quran tanpa kepakaran sudah pasti akan menyebabkan hasil terjemahan tidak tepat. Ini kerana ungkapan yang diguna-pakai oleh al-Quran adalah pelbagai. Beliau juga menganjurkan penubuhan jawatankuasa semakan terjemahan al-Quran, yang sewajarnya dianggotai oleh golongan pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan bagi memastikan setiap terjemahan al-Quran yang diedarkan dan digunapakai sebagai rujukan dalam pelbagai bidang penggunaan adalah bersumberkan terjemahan yang telah disahkan oleh jawatan kuasa tersebut. [26]
3. Muhammad Nur Lubis membincangkan persoalan ketidak-seragaman penterjemahan makna ayat-ayat al-Quran. Bagi beliau, walaupun aktiviti penterjemahan al-Quran telah berkembang, namun tidak wujud panduan dan perkaedahan yang muktamad lagi diiktiraf secara rasmi dalam amalan penterjemahan. Keadaan ini telah menyebabkan terdapat beberapa permasalahan dalam sesetengah bentuk terjemahan al-Quran yang menimbulkan kekeliruan dan salah-faham di kalangan umat Islam sendiri. Di akhir kajian, beliau mencadangkan supaya mensyaratkan penterjemahan al-Quran mesti dilakukan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam pelbagai bidang yang


berkaitan. Katanya, al-Quran bukan hanya membincangkan persoalan hukum yang tersurat semata-mata, bahkan juga terkandung di dalamnya unsur-unsur yang berkaitan dengan pelbagai bidang pengkhususan. Pendapat beliau adalah senada dengan pendapat yang telah diutarakan oleh kajian Mohd Shukri Hanapi. [30]

Daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa semua kajian tersebut adalah bertepatan dengan hipotesis kajian ini. Hal ini juga sejajar dengan pandangan Winter (1961) yang melihat bahawa sesuatu yang mempunyai kandungan maklumat tertentu dalam bahasa A, tidak selalunya dapat dipadankan dengan kandungan maklumat yang sama dalam pengungkapan bahasa B. Ini kerana apa yang boleh diungkapkan dalam bahasa A adalah hak milik bahasa itu seiringan dengan apa dan bagaimana ia sewajarnya diungkapkan.[38] Ini bererti, walaupun terdapat keupayaan untuk manusia berbahasa selain daripada bahasa ibundanya, namun demikian tidak semua unsur di dalam sesuatu bahasa itu dapat diungkapkan ke dalam bahasa yang lain. Faktor inilah yang menjadikan kerja terjemahan itu sesuatu yang paling mencabar bagi seseorang penterjemah.

Metodologi Kajian

Sepertimana yang telah dinyatakan dalam persoalan kajian, pendekatan yang digunakan dalam membangunkan kerangka model kajian ini pada dasarnya adalah untuk menjawab soalan: "Apakah proses yang perlu dilakukan oleh para penterjemah ketika menghasilkan sesuatu terjemahan?" Daripada pelbagai sumber maklumat yang dianalisa seperti yang ditunjukkan oleh arah-tuju anak panah yang terputus-putus, maka terhasillah kerangka cadangan model enam sumber yang perlu diambil-kira dan dianalisa dalam sesuatu proses penterjemahan.

Proses-proses tersebut adalah seperti yang terdapat dalam gambarajah berkikut:



Rajah 2: Rajah Kerangka Model Enam Sumber (KMES) dalam Penterjemahan

Dari gambar rajah di atas, Kerangka Model Enam Sumber (KMES) mencadangkan supaya proses penganalisan maklumat terjemahan adalah bersifat menyeluruh. Semua aspek yang ditunjukkan untuk dianalisa adalah terpaut dengan satu ikatan hipotesis yang jelas. Dalam usaha seseorang penterjemah untuk memahami permasalahan amalan terjemahan (contohnya Arab-Melayu), satu kerangka model konseptual yang bersifat komprehensif yang boleh diguna-pakai di sepanjang proses penterjemahan tersebut adalah diperlukan. Langkah ini penting bagi membolehkan pelbagai sumber literatur berkaitan teks sumber yang akan diterjemahkan dianalisa dengan terperinci.

Pendekatan Dedektif

Sepertimana yang diketahui, bahawa sesuatu teks sumber itu dilingkari oleh pelbagai maklumat. Keadaan ini perlukan pendekatan yang dedektif, eksklusif lagi sistematik. Dari sini terbentuklah satu pengklasifikasian aktiviti kajian yang mendasari pelbagai aspek isi kandungan teks dan nilai yang perlu dianalisa untuk menemukan jawapan seragam dan dapatan yang ilmiah berhubung kajian ini.[36]

Pendekatan Indektif

Walaupun bagaimanapun, untuk membina beberapa keserasian dan kesepaduan di antara pelbagai aspek isi kandungan teks yang bersifat naratif, terutamanya apabila melibatkan proses amalan terjemahan (Arab-Melayu), adalah satu keperluan untuk tidak menghadkan kepada penganalisan

umum sahaja dan membiarkan ianya kekal dalam keaburan sepertimana yang terdapat dalam sumber literatur. Sebaliknya, sesuatu proses kajian itu perlu melakukan penilaian lapangan untuk pengesahan kesan-akibat yang berkaitan dengan kes dalam kajian.

Data Kajian

Teks yang dipilih sebagai sumber maklumat utama kajian ini adalah berkaitan dengan kata kerja (امسحوا) yang tersurat dalam surah al-Maidah ayat ke enam.[1:5/6] Seperti yang telah dibincangkan di atas, kerangka model kajian ini adalah bercirikan enam aspek sumber maklumat yang perlu dikumpul sebagai data yang perlu diaplikasikan dalam sesuatu amalan terjemahan. Dengan kata lain, istilah data kajian disini adalah merujuk kepada proses pengumpulan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan sesuatu kes projek terjemahan bagi tujuan mencapai tahap kesahan dan kebolehppercayaan yang tinggi terhadap hasil terjemahan yang terbit daripada kepelbagaian sumber data yang telah dianalisa secara sistematik.[15] Tata-cara pengumpulan dan penganalisaan data adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1: Prosedur Penterjemahan Kata Kerja (امسحوا)

Bil.	Aktiviti	Pelaksanaan Aktiviti
1.	Pengumpulan Sumber	Langkah pertama yang perlu dilakukan adalah membuat pengumpulan sumber. Sama ada ianya merupakan sumber utama, atau sumber sampingan, sumber sokongan, mahu pun sumber lapangan. Oleh yang demikian, semua jenis maklumat yang berkaitan dengan kata kerja (امسحوا) perlu dikumpulkan secara komprehensif. Ianya dalam konteks kajian ini merupakan data primer atau utama yang perlu dikumpulkan dengan teliti untuk mencapai matlamat pokok kajian, seterusnya dianalisa dengan jelas lagi menyeluruh. Contohnya, apakah jenis maklumat yang dibawakan oleh sesuatu sumber itu? Setiap jenis mempunyai maksud dan syaratnya yang tersendiri. Sementara maklumat pernyataan yang terdapat dalam Hadith berkenaan dengan (إسباغ الوضوء) yang bermaksud “Penyempurnaan Wudhu” adalah merupakan satu pernyataan teknikal.[7] Ianya perlu diaplikasikan secara tepat dan tak sewajarnya keluar daripada peristilahan “sapu” itu sendiri. Dengan kata lain, ianya adalah tidak tepat kiranya penggunaan istilah ini digantikan dengan istilah basuh. Sementara jenis maklumat lapangan untuk kajian ini adalah merujuk kepada satu kes kesihatan dan ulasan tiga orang doktor perubatan yang datang merawat. Kajian juga menemuramah para pelajar sebuah universiti awam dan mendapati setiap 10 orang yang diselidiki, hanya seorang yang menyapu keseluruhan kepala.
2.	Penjenisan Sumber	Langkah kedua pula ialah penjenisan sumber. Dengan kata lain, setelah terkumpulnya maklumat-maklumat berkaitan, ianya perlulah di kategorikan mengikut jenis, spesifikasi dan peranannya dalam menerangkan perihal kata kerja ini. Maklumat utama diasingkan daripada maklumat sampingan. Terjemahan teks al-Quran dalam kajian

		ini adalah merupakan sumber utama, sementara teks tafsiran adalah sumber sampingan. Begitu juga dengan maklumat-maklumat sokongan yang lain seperti teks Hadith, maklumat linguistik, morfologi dan semantik perlulah dicerakinkan dengan tersusun mengikut fungsi dan hubungan timbal-balik antara maklumat tersebut untuk diulang-kaji keabsahannya diperingkat lapangan dan amali.
3.	Penilaian Sumber	Langkah ketiga adalah berkaitan dengan penyaringan dan penelitian semula semua sumber-sumber yang telah terkumpul di peringkat satu dan juga dua. Aktiviti ini amat penting untuk memastikan bahawa pada akhirnya hanya maklumat yang tepat sahaja boleh digunakan dalam amalan terjemahan.
4.	Penganalisaan Sumber	Di peringkat keempat ini pula, semua sumber yang telah disaring dengan teliti perlulah dianalisa secara komprehensif. Setiap sumber pastinya memberikan satu dapatan yang tersendiri. Sebagai contoh, kata kerja (امسحوا) seperti yang diguna-pakai dalam ayat al-Quran adalah merupakan kata kerja peristilahan atau teknikal. Oleh yang demikian, ianya tidak boleh diterjemah dengan menggunakan pendekatan linguistik semata-mata tanpa membuat rujukan pemakaian sesuatu istilah tersebut dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan penggunaan istilah tersebut.
5.	Perbandingan Sumber	Setelah semua sumber dianalisa, maka terkumpul satu bentuk hasil dapatan daripada setiap sumber tersebut, maka semua dapatan tersebut perlulah dibandingkan secara timbal-balas antara satu dengan yang lainnya. Sebagai contoh, kata kerja (امسحوا) telah diterjemahkan oleh para penterjemah dengan perkataan “sapulah” dan bukannya “basuhlah”. Ini kerana tindakan menukar penggunaan istilah ini boleh membawa akibat sampingan sepertimana yang dinyatakan dalam perbincangan berkenaan sumber maklumat lapangan.
6.	Rumusan Sumber	Dan aktiviti yang terakhir dalam tata-cara aplikasi model ini adalah merupakan proses mengguna-pakai tahap rumusan dengan berdasarkan kepada dapatan yang telah diperolehi untuk menghasilkan satu bentuk terjemahan yang muktamad. Sebagai contoh, berpandukan kepada dapatan daripada penganalisaan maklumat lapangan, kajian ini merumuskan bahawa arahan menyapu kepala seperti yang tercatat dalam kata kerja (امسحوا) adalah merupakan satu bentuk mukjizat ilmiah yang dipaparkan oleh al-Quran sebelum manusia mampu membuktikan situasi kulit kepala yang sarat dengan urat deria yang sensitif.[39]

Analisis Kajian

Dengan berpandukan kepada model piawaian yang telah dibangunkan, penganalisaan kandungan data, penilaian dan perbandingan amalan-amalan terjemahan al-Quran bahasa Melayu dapat diaplikasikan, terutamanya berkenaan dengan proses penganalisaan terjemahan kata kerja (امسحوا) yang merupakan sample kajian kes berdasarkan aktiviti gerak-kerja piawaian ini.

Analisis Sumber Utama

Sepertimana telah dinyatakan di atas, sumber utama bagi data kajian ini adalah sepotong ayat al-Quran yang terdapat dalam surah al-Ma'idah ayat ke enam. Ianya adalah satu-satunya teks al-Quran yang menerangkan dengan terperinci sifat dan ciri-ciri perlakuan yang dilaksanakan ketika berwudu. Oleh yang demikian, kandungan ayat ini adalah amat penting untuk dianalisa dengan sistematik lagi menyeluruh supaya terjemahan yang terhasil daripadanya mudah difahami dan diamalkan dengan tepat. Ayat ini telah diterjemahkan oleh para penterjemah ke dalam bahasa Melayu dengan sedikit kepelbagaian. Antaranya adalah seperti berikut:

Bil.	Sumber	Teks Terjemahan	Analisa Ciri
1.	Al-Quran, Mushaf Brunei Darussalam [1]	“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak mendirikan sembahyang (sedang kamu berhadap kecil) maka (berwudhu’lah iaitu) basuhlah muka kamu dan kedua-dua tangan kamu hingga ke siku, sapulah sebahagian daripada kepala kamu dan basuhlah kedua-dua kaki kamu hingga ke buku lali....”	1. Formal 2. Gandingan kata 3. Huraian panjang 4. Peminjaman kata 5. Sapu “sebahagian”
2.	Al-Quran, Al-Majma’ 1989. [6]	“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan shalat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai dengan siku dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai dengan kedua mata kaki,”	1. Tak formal 2. Tafsiran kata 3. Huraian pendek 4. Peminjaman kata 5. Sapu “kepala”
3.	Al-Quran, Tafsir Pimpinan Rahman (JAKIM) [5]	“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali;.....”	1. Formal 2. Tafsiran kata 3. Huraian panjang 4. Peminjaman kata 5. Sapu “sebahagian”
4.	Al-Quran, Al-Hidayatul Insan [4]	“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak melaksanakan shalat maka basuhlah wajahmu dan tanganmu sampai ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kedua kakimu”	1. Formal 2. Tafsiran kata 3. Huraian pendek 4. Peminjaman kata 5. Sapu “kepala”
5.	Al-Quran, Tafsir-	“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, maka basuhlah mukamu dan kedua belah tanganmu	1. Formal 2. Gandingan kata 3. Huraian pendek

	Mahmud Yunus [2]	sehingga dua siku dan sapuluh kepalamu dan (basuhlah) kakimu sehingga buku lali....”	4. Peminjaman kata 5. Sapu “kepala”
--	------------------	--	--

Analisis Sumber Sampingan

Sepertimana yang telah dinyatakan bahawa sumber maklumat sampingan kajian ini adalah semua bentuk sumber yang berkaitan dengan penghuraian kepada maklumat utama. Untuk kes kajian ini, ianya adalah meliputi semua bentuk maklumat yang terdapat dalam kitab-kitab Tafsir, Fiqah dan seumpamanya. Apabila kita merujuk perbahasan Fiqh yang dibincangkan dalam bab Wudhu, kita akan dapati beberapa ketentuan yang digariskan oleh pakar-pakar bidang ini. Contohnya, rukun menyapu kepala adalah dinyatakan dengan “menyapukan air pada bahagian kepala”.[22] Kenyataan ini adalah bersifat peristilahan dalam bidang perundangan Fiqh. Ianya membawa maksud syarat minima yang perlu dilakukan oleh seseorang ketika berwudhu’ yang menjadikan sesuatu proses berwudhu’ itu di iktiraf “sah/batal” secara perundangan Fiqh. Sementara Imam Malik pula mewajibkan menyapu seluruh kepala.[28] Jelaslah disini ada perbezaan dalam mentafsirkan kata kerja bagi kes kajian ini dan setiap perbezaan itu ada sumbernya yang tersendiri. Oleh yang demikian, setiap perbezaan itu perlukan penjelasan yang sistematik lagi ilmiah. Antara yang paling jelas adalah ianya mungkin dipengaruhi oleh metodologi yang telah diguna-pakai atau pun penjenisan sumber maklumat dan bidang yang dimaksudkan telah bercampuran.

Analisis Sumber Sokongan

Sumber maklumat sokongan untuk kajian ini adalah merupakan semua maklumat yang membincangkan fakta yang sama dengan sumber maklumat utama, tetapi ianya ditemukan dari sumber yang berlainan. Dalam kes kajian ini, sumber maklumat sokongan adalah daripada hadith Nabi (saw). Dengan kata lain, ianya merupakan maklumat yang memperkukuhkan fakta yang terdapat dalam sumber utama. Dengan kata lain, maklumat sokongan tidak mungkin (tidak sewajarnya) boleh membawa sebarang bentuk percanggahan dengan fakta yang terdapat dalam sumber utama. Sebagai contoh, kita lihat satu nilai maklumat yang terdapat dalam hadith yang menerangkan perihal kesempurnaan wudhu’ (إسباغ الوضوء). [7] Berpandukan fakta sumber ini, apakah boleh kita fahami bahawa kesempurnaan itu akan tercapai dengan membasuh kepala? Sewajarnya tidak berlaku sedemikian.

Dengan kata lain, ianya adalah sesuatu yang tidak tepat kiranya penggunaan istilah ini digantikan dengan istilah basuh. Hakikat ini menjadi sesuatu kesilapan yang amat kritikal bilamana kita membuat perbandingan dengan fakta maklumat dari sumber lapangan yang menghuraikan sensitif saraf kepala dengan air di kala cuaca panas. Kesimpulannya, kesempurnaan wudhu’ itu hanya akan terhasil dengan memberikan hak setiap anggota wudhu dengan secukupnya (dan bukannya dengan berlebihan). Dengan kata lain, istilah penyempurnaan menyapu kepala disini tidak sewajarnya bertukar kepada maksud “membasuh” kepala.

Analisis Sumber Linguistik

Secara dasarnya, penganalisaan teks adalah termasuk dalam bidang ilmu linguistik. Ianya memberikan tumpuan kepada perihal sesuatu gaya bahasa yang diguna-pakai dalam sesebuah teks, bagaimana perkataannya terbentuk dan tersusun atau bergabung serta bersandaran dalam membentuk sesuatu maksud yang ingin disampaikan oleh pemilik teks tersebut. Walau bagaimana pun, Newmark menganalisa teks dengan menggabungkan perihal luaran yang melingkari keberadaan sesebuah teks bahasa untuk dianalisa bersama dengan bentuk gaya struktur kata-kata yang membentuk teks tersebut. Dengan ini, beliau menemukan keseragaman sistem dalam teks, dimana ciri-ciri pertautan antara sesuatu kata dengan unsur-unsur lainnya, sama ada secara morfologi dan sintaksisnya, bahkan juga unsur konteks yang bergabung membentuk makna yang ingin disampaikan oleh pemilik teks.[33]

Sumber maklumat linguistik untuk kajian ini adalah semua maklumat yang membincangkan fakta-fakta bahasa Arab yang melingkari kata kerja (امسحوا برؤوسكم). Sesuatu yang pasti berkenaan perkara ini, bahawa setiap teks (sama ada sumber mahu pun sasaran) adalah dilingkari oleh kelainan sifat kebahasaannya. Setiap bahasa mempunyai ciri-ciri tertentu yang boleh memberikannya satu daya tarikan istimewa. Di antara ciri-ciri tersebut termasuklah kebolehan membina perkataan, corak urutan frasa yang unik, gaya bahasa, teknik hubungan klausa dalam ayat dan sebagainya. Selain daripada faktor perbezaan budaya, perbezaan linguistik juga sebenarnya antara penyumbang utama dalam permasalahan penterjemahan. Justeru itu terjemahan daripada satu bahasa ke bahasa yang lain melibatkan penganalisaan semua ciri-ciri tersebut.[34]

Oleh yang demikian, maklumat linguistik yang berkaitan dengan kata kerja suruh dalam kajian ini perlu dianalisa dari pelbagai aspeknya. Sungguh pun bentuk morfologi kata kerja ini adalah berbentuk biasa (iaitu bukan kompleks), tetapi sifat kata kerja ini pada dasarnya adalah merupakan satu kata kerja transitif lagi aktif dan bukannya pasif. Dari sudut bahasa, sifat ini pastinya membawa maksud yang berlainan. Makna yang biasa untuk kata kerja ini adalah membersihkan atau mengilap tanpa menggunakan air. Dengan ini, yang membezakan antara basuh dan sapu adalah penggunaan air. Sementara struktur sintaksisnya agak kompleks, dimana kata kerja ini yang bersifat aktif secara langsung, tetapi telah digunakan secara berkait bersama dengan kata sendi (ب). Dengan adanya kata sendi ini menjadikan terjemahan yang lebih lengkap adalah membawa maksud “sapulah di kepala”. Frasa dalam bentuk ini, secara semantik, membenarkan proses perlakuan berwudhu’ itu dengan menyapu sebahagian sahaja daripada kepala. Lebih daripada itu, kata sendi ini boleh membawa maksud supaya bahagian kepala itu perlulah disapu dengan lemah lembut lagi sempurna ke seluruh kepala tanpa menggunakan air.

Analisis Sumber Lapangan

Penganalisaan sumber lapangan disini adalah merujuk kepada satu kes kesihatan di mana seorang lelaki telah masuk ke tempat berwudhu’ di sebuah masjid, lantas berwudhu’ dengan membasuh keseluruhan kepalanya, sedangkan ketika itu dia baru sahaja berjalan ditengah terik matahari. Akibatnya dia jatuh pengsan (atau hilang sedar) ketika di tempat wudhu’ tersebut. Dia kemudiannya dibawa ke hospital dan disahkan oleh tiga orang doktor perubatan bahawa beliau terkena kesan sampingan (atau kesan tindakan sebab-akibat) daripada perbuatannya membasuh

kepala ketika ianya masih terlalu panas. Perlakuan ini mengakibatkan berlakunya pengecutan kepada urat-urat kepala secara mengejut. Pengecutan ini menghalang darah daripada sampai kepada sel-sel yang sepatutnya berfungsi menyelaraskan pergerakan aktif yang penuh sedar.[40]

Dengan maklumat lapangan ini, terbukti bahawa kata kerja (امسحوا) yang diterjemahkan sebagai ‘sapulah’ adalah termasuk dalam bidang peristilahan pemprosesan yang perlu diaplikasikan dengan sempurna dan mengikut piawaian yang secukupnya. Kajian ini juga menemui para siswa di sebuah universiti awam berkenaan dengan perihal tata-cara mereka mengambil wudhu’ dalam amalan seharian mereka. Dapatan daripada maklumat lapangan ini menyatakan bahawa daripada setiap sepuluh orang yang ditemubual, hanya seorang yang terbiasa menyapu kepala mereka dengan sempurna (iaitu seluruh kepala) tanpa menggunakan air.

Dapatan dan Huraian Kajian

Sesungguhnya, pengaktifan peranan sesuatu kata penghubung yang diguna-pakai dalam sesebuah teks bahasa adalah bercirikan sifat semula jadinya yang tersendiri dalam sesuatu bahasa itu. Lantaran itu, ianya perlulah diaplikasikan dalam amalan terjemahan dengan sifatnya yang semulajadi juga. Hal yang sama perlu diambil kira dalam penganalisaan teks bahasa, ia itu setiap subjek yang dibincangkan oleh sesebuah teks bahasa adalah mewakili bidangnya yang tertentu pula. Sebagai contoh, teks falsafah memerlukan kata penghubung yang berbeza dari yang biasanya digunakan dalam teks komunikasi atau pun sastera. Ringkasnya, dalam apa saja jenis teks, semua kata penghubung yang mempertautkan semua unit sesebuah teks adalah merupakan unit tertulis yang penting untuk dianalisa sebelum ianya diterjemahkan. Dengan adanya kata penghubung ini maka terjelmalah satu bentuk konsistensi semula-jadi bagi teks tersebut, di mana ianya berperanan menyusun atau memisahkan sesuatu nilai morfologi atau sintaks yang tidak diperlukan, atau mewujudkan hubungan logik antara unit-unit teks tersebut. Dengan ini, semuanya adalah merupakan faktor asas yang memperkuat tautan antara urutan teks.

Hal ini jelas kelihatan setelah kita menganalisa kata kerja kajian kes yang dasarnya terdapat dalam sebuah teks keagamaan. Walau bagaimanapun, ianya merupakan satu fakta teks teknikal yang perlu diaplikasikan mengikut piawaian yang tepat oleh setiap pengguna dalam kehidupan seharian. Sumber maklumat lapangan pula membekalkan fakta yang menjelaskan hubungan sebab-akibat yang berkaitan dengan aplikasi yang kurang tepat daripada garis panduan yang dituntut. Keadaan ini menuntut rasa pertanggungjawaban yang profesional dalam amalan penterjemahan.

Dalam beberapa aspek dan manifestasi kajian, penganalisaan sumber maklumat serta bidang pengkhususan sememangnya merupakan satu bentuk dan pra-syarat kepada penyelidikan teks terjemahan. Perkaedahan yang diguna-pakai mestilah saintifik serta bersumberkan kepakaran yang sesuai dengan keperluan teks dan para pengguna teks tersebut. Pendekatan sebegini, sejajar dan sepadan dengan perspektif analisis dasar yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat berpengetahuan, di mana hasil penyelidikan diterjemahkan ke dalam bentuk dan susunan dasar amalan yang tepat lagi praktikal.[23]

Kefahaman berkenaan kepiawaian penterjemahan al-Quran serta kepatuhan dalam menggunakan prinsip-prinsip tersebut adalah hal yang sangat penting dalam penghasilan sesuatu terjemahan yang baru. Ketidak-serasian kaedah dan gaya bahasa boleh menyebabkan kesan sampingan yang merugikan setiap pembaca terjemahan tersebut. Sebagai contoh, semua saraf kita yang terdapat di kepala adalah merupakan satu unit yang sangat kompleks lagi sensitif. Dari perspektif logik, bagaimana mungkin seorang manusia yang hidup pada zaman 1400 tahun yang lampau boleh mengetahui atau pun menyedari hakikat yang seumpama ini. Dengan kata lain, adalah sesuatu yang mustahil sebagai seorang manusia biasa (iaitu Nabi Muhammad (saw) mampu untuk memperoleh pengetahuan atau kesedaran berkenaan hakikat keperluan menyapu kepala dan bukannya membasuh kepala. Dengan ini terbuktilah bahawa ianya adalah wahyu dari langit kepada seorang Rasul yang diutus sebagai rahmat untuk sekalian alam. Arahan ini bukan sama sekali datangnya daripada kehendak baginda secara peribadi dan ianya dipaparkan dengan jelas untuk difahami serta diaplikasikan dengan teliti, sekalipun dalam keadaan baginda tidak membuktikan kepentingan setiap sesuatu tata-cara aplikasi tersebut dengan terperinci mengikut piawaian amalan saintifik seperti yang difahami di zaman ini.

Rumusan

Daripada perbincangan dan penganalisan di atas, kajian ini merumuskan bahawa setiap penterjemahan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim, sewajarnya konteks situasi dan spesifikasi bidang peristilahan yang dibicarakan oleh teks sumber perlu dijadikan asas dalam pemilihan gandingan kata untuk pembangunan teks sasaran. Rumusan ini seiring dengan saranan yang dibuat oleh Kade (1968).[13] Beliau mencadangkan para penterjemah supaya membena teks sasaran dalam keadaan yang dikekang oleh teks sumber. Ini bererti, seseorang penterjemah tidak sewajarnya membina secara bebas atau cita-rasa sendiri dalam mencari padanan yang paling sesuai atau berhampiran dengan apa yang ada dalam bahasa sasaran. Sesuatu padanan mungkin berlaku secara satu sama satu atau satu sama serangkai (dan begitulah sebaliknya). Untuk itu, penterjemah perlu menganalisa secara komprehensif teks asal bagi mengesahkan kesempurnaan padanan yang dipilih. Proses terjemahan ini adalah berorientasikan latar asal kandungan teks sumber serta segala bentuk faktor yang membangunkannya. Latar dan faktor seumpama ini juga perlu terbangun dalam teks sasaran. Contohnya, ayat berwudhu' yang mengarahkan kita menyapu kepala adalah merupakan satu bentuk peristilahan yang berasaskan tata-cara dan amalan teknikal. Oleh yang demikian, padanan yang dipilih dalam teks sasaran mestilah juga mengandungi nilai dan faktor tersebut. Sementara penganalisan sumber lapangan pula memberikan bukti-bukti pengesahan atau huraian yang mempunyai nilai kebolehpercayaan untuk merumuskan bahawa Al-Quran itu benar-benar merupakan sebuah mukjizat kerasulan nabi Muhammad (saw) yang kekal abadi. Kerana ianya merupakan satu kenyataan yang tak mungkin difahami oleh manusia biasa yang hidup 1500 yang lalu. Ringkasnya, kajian ini telah menemukan satu nilai penting bahawa setiap sesuatu yang tersurah dan ayat dalam al-Quran perlu diteliti dengan mendalam bagi

memungkinkan kita mengaplikasikan setiap petunjuk yang tersurat dan tersirat dalam kitab suci Al-Quran Al-Karim.

Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim. (T.T.) *Mushaf Brunei*, E-Government National Centre. (Dirujuk pada 1.2.2020 di-: https://play.google.com/store/apps/details?id=egnc.cirrustechbn.mushaf&hl=en_US.)
2. Al-Quran Al-Karim. (1981). *Tafsir Al-Quran Mahmud Yunus*. (Jakarta: PT Hidakarya Abang,) (Dirujuk pada 5/2/2020 di-: <http://tafsirmahmudyunus.blogspot.com/search/label/005%20-%20Al%20Maidah>.)
3. Al-Quran Al-Karim. (T.T). *Tafsir Al-Qur'an Hidayatul Insan*. Abu Yahya Marwan bin Musa. (Dirujuk pada 5/2/2020 di- www.tafsir.web.id.)
4. Al-Quran Al-Karim.(2009). *Terjemahan Al-Quran al-Karim*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
5. Al-Quran Al-Karim. (2002). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Abdullah Basmeih, Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri. Eds. 2.
6. Al-Quran Al-Karim. (1989). *Mashaf Al-Haramain.. Terjemahan Al-Quran* (Edisi Baru 2007). Selenggaraaan Depatmen Agama Republik Indonesia: Percetakan Al-Majma'-Wakaf Arab Saudi.
Al-Quran Al-Karim. (1971). *Al-Quran dan Terjemahannya* (Edisi Indonesia). Selenggaraaan Prof. R.H.A. Soenarjo S.H. Percetakan Al-Majma' Wakaf Arab Saudi.
7. Al- Hadith (T.T). *Al-Bukhari* no. 6954; dan *Muslim* no. 225 dan 251.
8. Al-Ma'any. (2010). Kamus Arab-Arab. Dirujuk pada 7.2.2020 dari <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D9%85%D8%B3%D8%AD/>.
9. Abdul Rashid Ahmad. (2009). "Aspek-aspek kemukjizatan al-Quran" dalam *Jurnal al-Bayan*. Jld. 7. Ms. 51-52.
10. Abu Hashim Saad dan Zulkefli. (2018). Pengamalan Komunikasi Kemanusiaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Pensyarah Politeknik Premier Malaysia" dalam *Fikiran Masyarakat*. 6(2). Ms. 89-95.
11. Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Rossidi usop dan Selamat Amir. (2015). "Terjemahan Makna Ayat kawniyyat Berdasarkan Tafsir 'Ilmi: Satu Penilaian Semula Terhadap Ayat al-Quran mengenai Penciptaan Tumbuhan" dalam *Jurnal Darul Quran*. Ms. 123.
12. Ahmad Syahid. (2007). "Sejarah dan Pengantar Ilmu Nagham" dalam *Bunga Rampai Mutiara al-Quran*. (Ed). Muhaimin Zen. Jakarta: PP.Jamiyatul Qurra' Wal Huffaz, Ms. 17.
13. Anthony Pym. Tarragona. (2010). *Translation Theory Today and Tomorrow-Responses to Equivalence*. Published in Lew N. Zybatow (ed.) *Translationswissenschaft – Stand und Perspektiven*. Frankfurt aM: Peter Lang. Pgs. 1-14.
14. Awang Sariyan (editor). 1985. *Dari kata ke kata: persoalan stilistik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
15. Bruner, J. S. (1990). *Acts of meaning*. Pg. 34. Cambridge: Harvard University Press
16. Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. 4th. Edtion. Oxford University Press.
17. Cook, D. A. (2004). *A History of Narrative Film*. New York: WW Norton and Company Incorporation
18. Daems, J., Macken, L., & Vandepitte, S. (2013). "Quality as the sum of its parts: A two-step approach for the identification of translation problems and translation quality assessment..." in *Proceedings of MT Summit XIV Workshop on Post-Editing Technology*

- and Practice*, 2, 63-71. Dirujuk pada 1.2.2020 dari <https://pdfs.semanticscholar.org/d845/3786f35a746ffcdca098a1702f5f0b9759a2.pdf>
19. DBP. (2005). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, DBP: Kuala Lumpur. Eds. 4.
 20. Dunn, W. (1981/1994) *Public Policy Analysis: An Introduction*, 1st and 2nd ed., Prentice-Hall, Englewood Cliffs.
 21. Hatim, B., & Mason, I. (1997). *The Translator as Communicator*. London: Routledge.
 22. JAKIM. (T.T). *Panduan Bersuci dan Bersolat bagi Pesakit*. Pusat Penedbيران kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya. Dirujuk pada 3.2.2020 dari www.jakim.gov.my.
 23. Katharina Reiss. (2011). *Kritikan Terjemahan: Potensi dan Batasan*. Noor Ida Ramlı (Penterjemah). Kuala Lumpur: Siri Pembangunan Penterjemahan ITBM.
 24. Maria Ulfah. (2006). “Maqamat Arabiyyah dalam Tilawatil Quran” dalam *Bunga Rampai Mutiara al-Quran*. Ed. Muhaimin Zen. Jakarta: PP.Jamiyatul Qurra’ Wal Huffaz, Ms. 34.
 25. Mohd. Ali Abu Bakar, (1997). *Seni Lagu al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr. Ms.5.
 26. Mohd Shukri Hanapi. (2003). *Terjemahan al-Quran dalam Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
 27. Mohd. Nor Shahizan Ali, Mus Chairil Samani dan Hasrul Hashim. (2011). Analisis Naratif Filem dokumentari The Kinta Story (1949). *Jurnal Komunikasi*, 27 (2), 183-202.
 28. Muhamad Ali al-Syawkani. (2004). *Nail al-Awtar*. Ideas Home international: Amman Jordan.
 29. Muhammad Mustaqim M. Zarif dan Wahyu Hidayat Abdullah. (2015). “Metodologi Pentafsiran al-Quran antara Abdul Aziz Salam dan Mustafa Abdul rahman” dalam *Jurnal Darul Quran*. Ms. 56.
 30. Muhammad Nur Lubis Abd Razak. (2004). *Penterjemahan Makna al-Quran: Kajian ke arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Quran*. (Tesis Ph.D. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, UM).
 31. Muhamadul Bakir. (2009). *Muqaddimah Iylaa Fann al-Tarjamah*. Percetakan Universiti Islam Antarabangsa. Malaysia:Kuala Lumpur.
 32. Munir, A. Sudarsono. (1994). *Ilmu Tajwid dan Seni Baca al-Quran*. Jakarta: Rineka Cipta.
 33. Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. Hertforshire: Prentice Hall International (UK) Limited.
 34. Nida, Eugene A, and C.R. Taber. (1969/1982). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden:E.J.Brill
 35. Nik Jaafar Nik Ismail. (1998). *Qawaid al-Tarannum*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
 36. Nord, C. (1991). *Text Analysis in Translation: Theory, Methods and Didactic Application of a Model for Translation-oriented Text Analysis*. Amsterdam: Rodopi.
 37. Sarbin, T. R. (Ed.). (1986). *Narrative psychology: The storied nature of human conduct*. New York: Praeger.
 38. Winter, W. (1964). “Impossibilities of Translation” in W.Arrowsmith and, R.Shattuck (eds.) *The Craft and Context of Translation*, New York: Anchor.
 39. Acevedo, B.P., Elaine N. Aron, Arthur Aron, Matthew-Donald Sangster, Nancy Collins and Lucy L. Brown. (2014). “The highly sensitive brain: an fMRI study of sensory processing sensitivity and response to others’ emotions” in *Brain and Behavior*. 4(4). 580-594.
 40. Dr. Norlen Mohamed. (2017). *Cuaca Panas dan Kesihatan*, dalam MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia. Dirujuk pada 13.5.2020 dari <http://www.myhealth.gov.my/cuaca-panas-a-kesihatan/>